

15 JAN 2001

(Bergambar)

DR MAHATHIR HADIR MAJLIS AIDILFITRI PERPADUAN

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali hari ini menghadiri majlis Aidilfitri anjuran Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, di sini.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri di majlis itu disambut oleh timbalan menteri berkenaan, Dr Tiki anak Lafe, dan beribu-ribu wargakota pelbagai kaum yang memenuhi Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra.

Turut memeriahkan sambutan itu ialah kira-kira 700 warga kurang bernasib baik dari institusi kebajikan sekitar Lembah Klang serta 200 orang asli dari perkampungan orang asli Kilometer 24, Gombak.

Mereka diundang khas oleh kementerian sebagai simbol bahawa kerajaan tidak pernah meminggirkan golongan itu khususnya dalam majlis-majlis perayaan.

Selain menikmati pelbagai juadah, tetamu juga menonton tayangan dokumentari mengenai usaha-usaha perpaduan kaum yang dilakukan oleh kerajaan sejak negara mencapai Kemerdekaan.

-- BERNAMA

NM ZS NAK